



07 MAY, 2024

Boleh pinjam dana BSN pasang panel solar

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Boleh pinjam dana BSN pasang panel solar

SHAH ALAM – Kerajaan memperkenalkan program Solar Boleh! bagi menggalakkan lebih ramai rakyat menggunakan tenaga itu di kediaman mereka.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, kerajaan sedia maklum kos pemasangan sistem solar adalah mahal dan hanya digunakan oleh rakyat berkemampuan.

Sehubungan itu katanya, kerajaan menjalinkan kerjasama dengan AEON Group, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan SOLS Energy Sdn. Bhd. untuk tujuan tersebut.

“Rakyat boleh mohon pemasangan sistem solar di mana-mana cawangan AEON di seluruh negara.

“Penjawat awam boleh pinjam BSN dan pembayaran dilakukan melalui pemotongan gaji untuk pasang panel solar,” katanya ketika merasmikan Inisiatif Solar@Petra dan Program Solar Boleh! di AEON Shah

“

Rakyat boleh mohon pemasangan sistem solar di mana-mana cawangan AEON di seluruh negara.”

Alam, di sini semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan kos bagi pemasangan panel solar bagi sesebuah jenis kediaman.

Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menjelaskan, SOLS Energy pula akan memberikan kemudahan langganan solar, iaitu kaedah pembiayaan solar berasaskan model sifar modal.

Beliau menegaskan, tiada peruntukan yang dikeluarkan kerajaan bagi program Solar Boleh!, sebaliknya kerajaan menyokong program itu melalui dasar yang diperkenalkannya sebelum ini.



FADILLAH (dua dari kiri) melancarkan program Solar Boleh! di AEON Shah Alam semalam.